

Jenis Akhbar : *Mingguan Malaysia*  
Tarikh : *14/04/2019*  
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 63*  
Tajuk : *ANGKASA mahu aktif dalam sektor kesihatan*

## Angkasa mahu aktif dalam sektor kesihatan

mm  
14/4/2019  
MS 63

**SHAH ALAM 13 April** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memohon agar kerajaan meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dengan memasukkan Akta Koperasi 1993 agar ahlinya boleh terlibat dengan lebih aktif dalam bidang kesihatan.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pada masa ini mana-mana koperasi yang ingin membuka klinik, pusat perubatan atau farmasi perlu terlebih dahulu menubuhkan anak syarikat.

“Berdasarkan Seksyen 6 (1) akta ini lesen hanya boleh dikeluarkan kepada pengamal perubatan dan suatu pertubuhan yang lembaga pengarahnya terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan berdaftar.

“Suatu pertubuhan ini adalah pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan harapan Angkasa adalah kerajaan memasukkan Akta Koperasi di sini agar koperasi tempatan boleh bersama-sama bergerak aktif dalam bidang perkhidmatan kesihatan,” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Koperasi Panel Kesihatan Selangor Berhad (Kopsihat), di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata penglibatan koperasi dalam bidang perkhidmatan kesihatan dilihat perlu berikutan masalah kesihatan yang dihadapi oleh masyarakat semakin kronik dan koperasi dilihat mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mampu milik dan menjadi pengimbang antara sektor kesihatan awam dan swasta. - **BERNAMA**

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA